

TARIKH	13 OGOS 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM PERLU PERBAIKI KAEDAH INTERAKSI		
M/S	17 (LOKAL)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		
 Penjawat awam perlu perbaiki kaedah interaksi Putrajaya: Penjawat awam ditegur kerana menggunakan laras bahasa yang tinggi untuk memperjelas sesuatu isu dan dasar kerajaan menyebabkan apa ingin disampaikan tidak difahami golongan sasar. Memberi contoh penjelasan mengenai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Bakar berkata, ia tidak dilakukan dengan baik sehingga membentuk jurang komunikasi dalam isu yang mahu disampaikan. Sehubungan itu, beliau mahu penjawat awam memperbaiki kaedah komunikasi supaya masyarakat terutama golongan bawahan dapat memahami penjelasan di sebalik isu yang timbul. “Dalam kita menangani isu komunikasi antara kumpulan tinggi, sederhana dan bawah ini, komunikasi jelas perlu diamalkan dalam perkhidmatan awam. Dalam mesyuarat saya tegur supaya guna bahasa difahami dan jangan guna ‘bahasa Putrajaya’. “Apa yang kita nak capai dan nak sampaikan perlu bersesuaian (contohnya) kepada pemandu Grab. Saya nak tegur kementerian mengenai SST, kita jelaskan (isu SST) untuk profesor dengan, pegawai tingggi kerajaan atau orang yang ambil (atau ada) latar belakang kewangan. “Tapi, 85 peratus rakyat yang dekat luar itu (sebenarnya) nak dengar penjelasan mereka, nak bahasa orang biasa,” katanya pada sesi Reformasi Satu Kemestian sempena setahun reformasi perkhidmatan awam di Puspanitapura, di sini, semalam. Selain dihadiri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, majlis itu dihadiri hampir 1,000 penjawat awam.			
DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM		